

Kesan longkang tempat Zhen Zhong jatuh

Subang Jaya: Polis bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, bagi mengesan sungai atau longkang yang mungkin menjadi lokasi di mana kanak-kanak malang William Yau Zhen Zhong, 6, terjatuh.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Yahaya Ramli, berkata operasi itu digerakkan mulai pagi semalam selepas pihaknya mendapat beberapa petunjuk kemungkinan utama kanak-

kanak itu terjatuh ke dalam Sungai Klang.

Yakin mangsa jatuh

“Ini adalah berdasarkan andaian awal serta situasi semasa pada hari kejadian 16 Januari lalu, Zhen Zhong dilaporkan hilang secara tiba-tiba dari hadapan sebuah kedai elektrik di Putra Heights.

“Setakat ini polis yakin kanak-kanak ini terjatuh ke dalam Sungai Klang. Berikutan itu, Polis Subang Jaya dengan dibantu Unit

Anjing Pengesan (K9) dan Unit Forensik Polis serta JPS, mengerakkan usaha untuk mencari kawasan sebenar mangsa terjatuh di kawasan Kampung Bukit Lanchong, tidak jauh dari Putra Heights,” katanya.

“Kita juga cuba mendapatkan bantuan daripada orang ramai di kawasan itu sekiranya terlihat Zhen Zhong melalui kawasan berkenaan berdasarkan pakaian, keadaan fizikal dan gambar foto kanak-kanak itu,” katanya.